

## **PENGENALAN KOD ISM**

- Kod Pengurusan Keselamatan Antarabangsa (ISM) telah dilaksanakan di bawah keperluan konvensyen SOLAS 1974, Bab 9, di Malaysia pada 1 Julai 1998. Mengikut kehendak konvensyen ini, syarikat-syarikat yang mengurus kapal-kapal bendera Malaysia dikehendaki menyediakan sistem pengurusan keselamatan di mana sistem itu akan disemak dan diaudit oleh Jabatan Laut Malaysia.
- Syarikat pengurusan tersebut akan diaudit oleh Jabatan Laut Malaysia berdasarkan Kod ISM 2014 [*Resolution A.741 (18)*], konvensyen antarabangsa, resolusi IMO, dan perundangan tempatan yang berkuatkuasa.
- Skop audit termasuklah keterpakaian *Revised Guidelines on Implementation of the ISM Code amended by Resolution MSC.179 (79); amended by Resolution MSC.195 (80); amended by Resolution MSC.273 (85)*.
- Sekiranya kesemua kepatuhan dipatuhi, syarikat akan diberikan Dokumen Kepatuhan (Document of Compliance). Sementara itu kapal-kapal konvensyen bendera Malaysia yang telah diaudit oleh Badan Kelasifikasi Kapal pula akan diberikan Sijil Pengurusan Keselamatan (Safety Management Certificate).

## **SYARIKAT PENGURUS KAPAL**

- Syarikat pengurus kapal mestilah terdiri daripada syarikat yang telah dilantik oleh pemilik kapal secara rasmi dan bertulis serta telah didaftarkan dengan Pejabat Pelabuhan Daftar kapal.
- Menurut Reg. 2 Ch. 9 SOLAS, peraturan pemakaian Kod ISM ini mandatori kepada:-

- ✓ Kapal Penumpang termasuk *Passenger High-Speed Craft* (Reg. 1.3 Ch. 10);
  - ✓ Kapal Tangki (Oil, Chemical, Gas), Kapal Pukul (Bulk), dan Kapal Kargo (High-Speed Craft) yang bersaiz 500GT dan ke atas;
  - ✓ Kapal Kargo lain (Other Cargo Ship), dan MODU yang bersaiz 500GT dan ke atas.
- Pengecualian kepada pemakaian Ch. 9 SOLAS (Ch. 1 Reg. 3) adalah kepada:-
    - ✓ Kapal-kapal kerajaan yang digunakan bukan untuk tujuan komersial;
    - ✓ Kapal-kapal perang;
    - ✓ Kapal kargo yang bersaiz kurang daripada 500GT;
    - ✓ Kapal yang tidak memiliki dorongan mekanikal;
    - ✓ Kapal kayu;
    - ✓ Kapal layar yang tidak melakukan aktiviti perdagangan;
    - ✓ Kapal menangkap ikan (nelayan).
  - Untuk kapal berpelabuhan daftar **Port Kelang / Penang / Kuching / Kota Kinabalu**, syarikat pengurus kapal tersebut bebas mempunyai premis syarikat berdaftar tanpa mengira kekangan lokasi premis utama, sama ada di Malaysia mahupun di luar negara.
  - Hanya untuk kapal berpelabuhan daftar **Labuan** (didaftarkan di bawah MISR, Part IIC MSO 1952), syarikat pengurus kapal tersebut wajib didaftarkan di Malaysia dan mempunyai premis perniagaan di Malaysia. (Sec. 66C MSO 1952)
  - Untuk syarikat yang menguruskan kapal dan berhasrat memiliki DOC atas kapasiti *voluntary-basis* atau atas faktor komersial, pihak Jabatan Laut Malaysia tiada halangan untuk melaksanakan pemakaian Kod ISM terhadap syarikat tersebut dan juga kapal-kapal yang diuruskan.